**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN**
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

# PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
# SESI I : 2023 / 2024

# SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

## SPP 10163
## ASAS PENGURUSAN

**Dua (2) jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**ARAHAN UMUM**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B.**
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D.** Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN (8)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

## BAHAGIAN A

*[ 40 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Siapakah tokoh pengurusan yang mendefinisikan pengurusan sebagai 'satu seni melaksanakan kerja melalui usaha manusia'. CLO1 T1

**A** Max Weber

**B** Henry Mintzberg

**C** Mary Parker Follet

**D** Frederick W. Taylor

2. Pengurus adalah individu yang terlibat dalam mengurus ..................... CLO1 T1

**A** perancangan, mengorganisasi, memimpin dan mengawal

**B** perancangan, mengorganisasi, memimpin dan pelaksana

**C** perancangan, mengorganisasi, memimpin dan matlamat

**D** perancangan, mengorganisasi, memimpin dan membuat keputusan

3. "Doing the right thing" merujuk kepada CLO1 T1

**A** Melaksanakan kerja betul

**B** Melaksanakan kerja yang betul

**C** Melaksanakan kerja dengan betul

**D** Melaksanakan kerja sentiasa betul

4. Pilih pengurusan mengikut tahap di dalam organisasi. CLO1 T1

I. Pengurusan Bawahan

II. Pengurusan Pertengahan

III. Pengurusan Kedua

IV. Pengurusan Atasan

**A** I, II, III

**B** I, II, IV

**C** I, III, IV

**D** II, III, IV

5. Fungsi utama pengurusan adalah.................. CLO1 T1

   **A** merancang.
   **B** merancang dan mengorganisasi.
   **C** merancang, mengorganisasi dan memimpin.
   **D** merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal.

6. Peranan utama pengurusan menurut Mintzberg adalah seperti berikut **KECUALI** CLO1 T1

   **A** Peranan Informasi
   **B** Peranan Pengawal
   **C** Peranan Interpersonal
   **D** Peranan Pembuat Keputusan

7. Melalui perancangan, pengurusan menentukan visi, misi, objektif, rancangan operasi, keperluan sumber manusia bagi mencapai matlamat organisasi. CLO1 T2

   Pernyataan di atas merujuk kepada........

   **A** menentukan hala tuju.
   **B** menetapkan piawaian.
   **C** mengurangkan kesan perubahan.
   **D** meminimumkan pembaziran dan redudansi.

8. Perancangan .................. merujuk kepada rancangan yang lebih sempit dan khusus untuk satu-satu unit kerja atau individu. CLO1 T2

   **A** Strategik
   **B** Taktikal
   **C** Operasi
   **D** Khusus

9. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang perancangan taktikal. CLO1 T2

   **A** Dibentuk oleh pengurus atasan.
   **B** Melibatkan jangka waktu yang panjang.
   **C** Perlu mendokong rancangan operasi.
   **D** Dikenali sebagai rancangan fungsian.

10. Pilih susunan langkah-langkah yang **BETUL** dalam proses perancangan. CLO1 T2

**A** Menetapkan matlamat, menentukan keadaan semasa, mengenalpasti bantuan dan rintangan, membangunkan satu set sasaran dan tindakan baru, menilai semula matlamat.

**B** Menetapkan matlamat, membangunkan satu set sasaran dan tindakan baru, menentukan keadaan semasa, mengenalpasti bantuan dan rintangan, menilai semula matlamat.

**C** Menetapkan matlamat, membangunkan satu set sasaran, menentukan keadaan semasa, mengenalpasti bantuan dan rintangan dan tindakan baru, menilai semula matlamat.

**D** Menetapkan matlamat, mengenalpasti bantuan dan rintangan, menentukan keadaan semasa, membangunkan satu set sasaran dan tindakan baru, menilai semula matlamat.

11. Berikut merupakan langkah-langkah dalam pengorganisasian **KECUALI** CLO1 T3

**A** menyenaraikan kerja
**B** menetapkan matlamat
**C** menubuhkan jabatan
**D** menyelaraskan kerja

12. Struktur fungsian merupakan struktur yang popular digunakan oleh orgnisasi. Pilih pernyataan yang **BENAR** mengenai struktur fungsian. CLO1 T3

I. Struktur yang diagihkan menurut tugas dan fungsi
II. Penjabatanan yang paling asas
III. Melibatkan pengelompokan aktiviti atau tugas berdasarkan setiap produk
IV. Dikelaskan mengikut fungsi utama (kemahiran)

**A** I, II, III
**B** I, II, IV
**C** I, III, IV
**D** II, III, IV

13. CLO1 T4

**Keperluan individu untuk menjalinkan persahabatan dan memperolehi kasih sayang**

Pilih tingkat Hirarki Keperluan Maslow yang **BETUL** berdasarkan penyataan di atas.

**A** Sosial
**B** Fisiologi
**C** Keselamatan
**D** Esteem/penghargaan

14. Faktor Penjagaan (Hygiene) adalah seperti berikut **KECUALI** CLO1 T4

**A** Status
**B** Penghargaan
**C** Keselamatan kerja
**D** Keselesaan tempat kerja

15. Berikut adalah faktor motivasi berdasarkan Teori 2 Faktor Herzberg **KECUALI** CLO1 T4

**A** Pencapaian
**B** Penghargaan
**C** Tanggungjawab
**D** Upah dan gaji yang berpatutan

16. Manakah antara berikut merupakan peranan pemimpin. CLO1 T4

I. Memberi arahan
II. Memberi motivasi
III. Membina pasukan
IV. Mempengaruhi pengikut

**A** I, II, III
**B** I, II, IV
**C** I, III, IV
**D** II, III, IV

17. Langkah dalam proses pengawalan ini penting bagi menentukan samada terdapat sebarang penyelewengan atau perbezaan antara hasil kerja sebenar dengan standard yang ditetapkan. CLO1 T5

Kenyataan di atas merujuk kepada……….

**A** menetapkan piawaian
**B** mengukur prestasi sebenar
**C** membandingkan prestasi sebenar dengan piawaian
**D** membuat tindakan pembetulan dan penambahbaikan

18. Manakah antara berikut merupakan prinsip kawalan yang berkesan dalam organisasi. CLO1 T5

**A** Fleksibiliti
**B** Objektif tercapai
**C** Mengukur prestasi perniagaan
**D** Mengukur prestasi pengurus dan pekerja

19. Manakah antara berikut merupakan kepentingan perancangan strategik. CLO1 T6

**A** Meningkatkan prestasi organisasi.
**B** Perlu dilaksanakan secara berterusan.
**C** Merangkumi penganalisaan faktor dalaman dan luaran organisasi seperti analisa SWOT.
**D** Proses mengenalpasti, mengkaji, mengumpul dan membekalkan maklumat bagi tujuan strategik.

20. Apakah langkah ke-3 dalam proses pengurusan strategik. CLO1 T6

**A** Analisa strategik
**B** Merancang strategik
**C** Melaksanakan strategik
**D** Penetapan sasaran strategik

**BAHAGIAN B**

*[ 60 markah ]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

**Soalan 1**

a) Takrifkan pengurusan. CLO1 T1

*[3 markah]*

b) Nyatakan **TIGA (3)** kepentingan pengurusan. CLO1 T1

*[3 markah]*

c) Terangkan **TIGA (3)** komponen birokrasi menurut Max Weber. CLO1 T1

*[6 markah]*

d) Terangkan **EMPAT (4)** prinsip pengurusan yang diperkenalkan oleh Henry Fayol. CLO1 T1

*[8 markah]*

**Soalan 2**

a) Terangkan **DUA (2)** tujuan perancangan dalam organisasi. CLO1 T2

*[4 markah]*

b) Bincangkan **TIGA (3)** jenis perancangan dalam organisasi. CLO1 T2

*[6 markah]*

c) Terangkan **TIGA (3)** elemen utama dalam struktur organisasi. CLO1 T3

*[6 markah]*

d) Nyatakan **EMPAT (4)** prinsip kawalan yang berkesan dalam organisasi. CLO1 T5

*[4 markah]*

**Soalan 3**

a) Huraikan faktor-faktor penjagaan (*hygiene*) yang dapat memotivasikan pekerja. CLO1 T4

*[4 markah]*

b) Bincangkan **TIGA (3)** peranan pemimpin dalam organisasi. CLO1 T4

*[6 markah]*

c) Nyatakan **EMPAT (4)** proses kawalan dalam pengurusan. CLO1 T5

*[4 markah]*

d) Huraikan **TIGA (3)** jenis kawalan dalam pengurusan. CLO1 T5

*[6 markah]*

**SOALAN TAMAT**

**Selamat Menjawab**